

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 [ISNIN]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah kadar nisbah harga rumah kepada pendapatan tahunan ataupun median multiple bagi kemampuan memiliki rumah mengikut tahun dari 2014 hingga 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan data Kajian Dasar Perumahan Negara yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) serta Khazanah Research Institute (KRI) di antara tahun 2014 dan tahun 2016, peningkatan median harga rumah adalah 5.7% (Compound Annual Growth Rate - CAGR) berbanding peningkatan median pendapatan isi rumah iaitu sebanyak 6.5% (CAGR).

2. Selain itu, pengiraan CAGR ini juga bergantung kepada hasil dapatan *House Income Expenditure Survey* (HIES) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sebanyak 2 kali dalam tempoh setiap 5 tahun. Oleh itu, HIES seterusnya sedang dilaksanakan dalam tahun ini dan hasil dapatannya akan diterbitkan pada tahun 2020. Sekian, terima kasih.